



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



BULETIN KKMKG

e-ISSN 2716-5639

BULAN JULAI 2020

PROSES NYAHCEMAR BANGUNAN KOLEJ KOMUNITI MAS GADING



The background of the entire page is a faded, grayscale photograph. On the left, there is a multi-story building with a modern architectural style, featuring large windows and a prominent entrance. To the right of the building, in the foreground, is a large, dark-colored dinosaur statue, possibly a T-Rex, standing on a raised platform. The overall scene is set outdoors with some trees visible in the background.

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

NOR DALILA BINTI ABD RAHMAN

Pengarah

Kolej Komuniti Mas Gading

KETUA PENGARANG

IZAWATI BINTI ENI

Pegawai Penerangan

Unit Perhubungan Awam, Kolej Komuniti Mas Gading

FOTO & BAHAN

MOHD SAIFUL FADLI BIIN MAIDEN

PENGEDARAN

MENO PATRICK BAI

MONICA CONNIE WILLIAM MIRROT

PROGRAM SEMBANG SANTAI



10 Julai 2020

Seramai 6 orang pengarah telah terlibat iaitu Pengarah KK Kuching, Puan Suharyati Sulaiman, Pengarah KK Mas Gading Puan Nor Dalila Abd Rahman, Pengarah KK Santubong, Encik Abdullah Latep Haji Mustapha, Pengarah KK Betong, Encik Andrew anak Douglas Gudam, Pengarah KK Sarikei dan Cawangan Sibu, Puan Rosilawati Mohd Rasol dan Pengarah KK Miri, Encik Hazatta Morshidi.

Kesemua mereka telah dihimpunkan buat julung kalinya di atas satu platform dalam talian untuk bersama-sama mempromosi sekaligus menjawab persoalan masyarakat berhubung Kolej Komuniti yang ada di seluruh negeri ini.

Pelbagai topik telah dibincangkan antaranya kelebihan menyambung pengajian di Kolej Komuniti, info kemasukan dan bantuan kewangan. Selain itu isu-isu berkaitan kebolehpasaran serta halatuju graduan Kolej Komuniti juga berjaya dikupas agar dapat difahami dengan jelas oleh masyarakat. Turut dikongsikan kisah-kisah kejayaan alumni yang boleh dijadikan inspirasi oleh orang ramai yang berhasrat untuk menyambung pengajian di Kolej Komuniti.

Melalui program tersebut, penonton berpeluang untuk bertanyakan soalan secara terus kepada pengarah-pengarah serta memberi komen berkaitan pengalaman dan kelebihan belajar di Kolej Komuniti.



PROSES NYAHCEMAR BANGUNAN KOLEJ KOMUNITI MAS GADING

27 Julai 2020

Pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Bau telah membuat operasi nyahcemar di seluruh bangunan KKMKG sebagai langkah pencegahan penularan covid 19. Ini juga sebagai langkah persediaan sebelum pelajar kembali menyambung pengajian di kolej dan pengoperasian semula kursus-kursus pendek untuk orang awam.



Bengkel Semakan Dokumen & Pemahaman Penyediaan Kriteria Kecemerlangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Tinggi (PPPT)

20 Julai 2020

Bengkel Semakan Dokumen & Pemahaman Penyediaan Kriteria Kecemerlangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Tinggi (PPPT) telah berlangsung di Bilik Seminar KKMKG.

Bengkel ini telah dikendalikan oleh Encik Mohd Shah bin Yunus, seorang yang berpengalaman menjadi panel dalam pemilihan kenaikan pangkat

Bengkel ini telah disertai oleh PPPT dari Kolej Komuniti Kuching, Kolej Komuniti Cawangan Santubong dan Kolej Komuniti Mas Gading





SUMBANGAN PERSATUAN ALUMNI KOLEJ KOMUNITI MAS GADING

17 Julai 2020

Pihak KKMKG berbesar hati menerima kunjungan dua orang pegawai daripada PERKESO untuk memberi taklimat tentang Graduates Empowerment Programme (GEP). Ia merupakan suatu program penempatan pekerjaan yang diadakan khusus bagi membantu pelajar yang akan menamatkan pengajian di pusat pengajian tinggi di Malaysia bagi tujuan penempatan pekerjaan.

Dalam taklimat tersebut juga diperkenalkan Portal My-FutureJobs merupakan salah satu inisiatif yang dilancarkan sebagai kemudahan untuk para pencari kerja dan majikan dalam urusan pemedanan kerja.

Para pencari kerja dan majikan boleh mendaftar akaun di portal ini melalui atas talian sahaja di <https://www.myfuturejobs.gov.my/>



TAKLIMAT WABAK COVID 19

27 Julai 2020

Pejabat Kesihatan Daerah Bau menyampaikan taklimat mengenai wabak Covid 19 beserta langkah-langkah pencegahan penularan serta SOP yang perlu dipatuhi di tempat kerja dan bilik kuliah.. Usaha ini adalah langkah persediaan bagi warga KKMKG untuk menyambut kedatangan pelajar baharu dan pembukaan semula kelas pengajian untuk para pelajar.



IKLAN KEMASUKAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI MAS GADING



SESI AKADEMIK 2020 /2021

Syarat Minimum: Lulus SPM & Warganegara Malaysia



**MAKLUMAN PENANGGUHAN PENDAFTARAN DAN PENGAJIAN
PELAJAR BAHARU DAN PELAJAR SENIOR BAGI SESI JUN 2020
KOLEJ KOMUNITI MAS GADING**

Lanjutan kenyataan media Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBN) pada Isnin, 27 Julai 2020 yang lalu berkaitan penangguhan pembukaan Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Sarawak, adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Kolej Komuniti Mas Gading menetapkan semula tarikh pendaftaran pelajar baharu dan pelajar senior bagi sesi pengajian Jun 2020 pada **1 September 2020 (Selasa)**.

Penangguhan pendaftaran bagi sesi pengajian Jun 2020 ini adalah selaras dengan arahan oleh dikeluarkan oleh JPBN Sarawak untuk memastikan usaha memutuskan rantai penularan wabak COVID-19, serta mengambil kira sekatan perjalanan di antara zon yang mungkin menyukarkan perjalanan pelajar untuk ke kolej.

Maklumat terperinci berkenaan proses pendaftaran pelajar baharu akan dimaklumkan kemudian melalui Pegawai Pengambilan, manakala maklumat laporan diri bagi pelajar senior akan dimaklumkan melalui Pensyarah Kelas masing-masing.

Tarikh pendaftaran dan laporan diri yang ditetapkan ini juga adalah tertakluk kepada perubahan dan arahan dari semasa ke semasa oleh pihak JPBN Sarawak dan perkembangan terbaru penularan wabak COVID-19 di negeri Sarawak. Semua calon pelajar baharu, pelajar senior dan waris pelajar dinasihatkan untuk menghubungi pihak Kolej Komuniti Mas Gading untuk maklumat lanjut.

Bagi pelajar yang akan menjalani Latihan Industri, proses laporan diri di firma/syarikat masing-masing akan diteruskan seperti biasa kecuali jika pihak firma/syarikat tidak memberi kebenaran kepada pelajar untuk hadir. Pelajar yang tidak dibenarkan oleh firma/syarikat untuk melaporkan diri dikehendaki menghubungi Pegawai Perhubungan Industri dan Alumni (PPIA) dengan segera untuk tindakan selanjutnya.

Bagi pihak Kolej Komuniti Mas Gading, sebarang kesulitan yang timbul berkenaan perubahan ini adalah amat dikesali.

Untuk pertanyaan atau maklumat lanjut, calon pelajar, pelajar senior dan waris boleh menghubungi pegawai berikut di talian 082-763730:

- a. Encik Adi Amin bin Sarkawi Sarie (Pegawai Pengambilan)
- b. Puan Kamelia binti Kamel (Pegawai Perhubungan Industri dan Alumni)
- c. Cik Suzila Farni binti Mohd Ibrahim (Pegawai Pembangunan Pelajar)

PENGARAH

Kolej Komuniti Mas Gading
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi
30 Julai 2020



Diterbitkan oleh:
Unit Perhubungan Awam
Kolej Komuniti Mas Gading
Lot 742-750 Of Parent Lot 726
Bau Town District
94000 Bau, Sarawak
Tel: 082-763730
Faks: 082-763731
kkmg@kkmas.edu.my
<http://kkmasgading.mypolycc.edu.my/>

Hak Cipta © Unit Perhubungan Awam, Kolej Komuniti Mas Gading

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana- mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Unit Perhubungan Awam, Kolej Komuniti Mas Gading, Bau Sarawak.

KOD JALUR / BARCODE

eISSN 2716-5639



9 772716 563001